

# **PENDEKATAN ISLAM DALAM MENGHADAPI IDEOLOGI GENDER MODEN: ANALISIS ISU LGBTQ+ KONTEMPORARI *AN ISLAMIC APPROACH TO CONFRONTING MODERN GENDER IDEOLOGY: AN ANALYSIS OF CONTEMPORARY LGBTQ+ ISSUES***

**Haswira Salleh Ahim<sup>1</sup>, Rabi'atul Adawiah Azman<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam

## **Abstrak**

*Isu LGBTQ+ semakin menonjol sebagai cabaran ideologi global dalam masyarakat masa kini, khususnya melalui penyebaran ideologi gender moden yang berakar daripada pemikiran liberal serta diperkukuh oleh media digital, pendidikan global dan hak asasi manusia. Perkembangan ini bukan sahaja mempengaruhi cara manusia mentafsir identiti dan kebebasan diri, malah mencabar kefahaman Islam tentang fitrah dan akhlak terutama dalam kalangan generasi muda Islam. Oleh itu, objektif kajian ini ialah menganalisis ideologi gender moden dan isu LGBTQ+ sebagai cabaran ideologi global dari perspektif Islam berasaskan aqidah, syariah dan maqasid syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian perpustakaan dengan menganalisis karya sarjana Islam klasik dan kontemporari, dokumen badan antarabangsa dan literatur akademik dalam bidang gender, psikologi dan media. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ideologi gender moden atau LGBTQ+ berfungsi sebagai kerangka pemikiran yang bertentangan dengan prinsip asas Islam khususnya dalam aspek penjagaan agama, keturunan akal dan moral serta berpotensi melemahkan institusi kekeluargaan dan kesejahteraan masyarakat. Terakhir, kajian ini menegaskan keperluan pendekatan Islam yang mampan berteraskan aqidah, syariah, maqasid syariah, akhlak dan tasawuf, bagi menangani cabaran ideologi gender moden secara tegas pada prinsip.*

**Kata Kunci:** Pendekatan Islam, Ideologi Gender Moden, LGBTQ+, Kontemporari.

## **Abstract**

*LGBTQ+ issues have emerged as a significant global ideological challenge in contemporary society, driven by modern gender ideology rooted in liberal thought and reinforced through digital media, global education, and human rights discourse. This study aims to examine modern gender ideology and LGBTQ+ issues from an Islamic perspective grounded in 'aqidah, sharī'ah, and maqāsid al-sharī'ah. Employing a qualitative library-based methodology, the study analyzes classical and contemporary Islamic scholarship, international institutional documents, and academic literature in gender studies, psychology, and media. The findings indicate that modern gender ideology constitutes a conceptual framework that contradicts core Islamic principles, particularly in relation to the preservation of religion, lineage, intellect, and moral values, and poses potential risks to family institutions and societal well-being. The study concludes by emphasizing the need for a*

## *Perkembangan Artikel*

Diterima: 27 Februari 2026

Disemak: 7 April 2026

Diterbit: 30 April 2026

\*Penulis koresponden:

Haswira Salleh Ahim, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Email: [hasbatalun@gmail.com](mailto:hasbatalun@gmail.com)

*sustainable Islamic approach rooted in 'aqīdah, sharī'ah, maqāsid al-sharī'ah, ethical conduct, and taṣawwuf to address contemporary gender-ideological challenges with principled firmness.*

**Keywords:** Islamic Approach, Modern Gender Ideology, LGBTQ+, Contemporary Issues.

## PENDAHULUAN

Isu LGBTQ+ kini semakin menonjol sebagai cabaran pemikiran dan nilai dalam masyarakat Islam, khususnya dalam era digital. Proses normalisasi terhadap isu ini berlaku dengan pantas melalui digital seperti media sosial dan hiburan yang memainkan peranan besar dalam membentuk persepsi masyarakat. Dalam konteks ini, kajian akademik serantau menunjukkan bahawa isu LGBTQ+ semakin menjadi perbualan awam dan berkait rapat dengan perubahan sosial, selain mencetuskan pelbagai sambutan dan tindak balas daripada institusi agama dan lainnya (Ismail et al., 2020).

Pada masa yang sama, generasi muda merupakan kumpulan yang paling terdedah kepada pengaruh ini. Media digital bukan sahaja menjadi sumber maklumat utama mereka, tetapi turut membentuk cara generasi muda memahami identiti, nilai dan perkara yang dianggap sebagai sesuatu yang normal dalam kehidupan seharian (Fisher & Ford, 2024). Normalisasi isu LGBTQ+ tidak berlaku secara mendadak, sebaliknya melalui proses pbingkai naratif yang berperingkat. Isu ini sering dipersembahkan sebagai persoalan “hak identiti” atau “kebebasan individu”, ia sekali gus mengalihkan perbincangan antara aspek fitrah dan akhlak kepada isu penerimaan sosial (Khadijah, Sujoko & Oktayiani, 2024).

Kajian dalam bidang perubatan turut menjelaskan bahawa media sosial boleh berfungsi sebagai ruang sokongan dan komuniti bagi remaja LGBTQ+, namun ia juga membawa risiko seperti tekanan psikologi dan kesan negatif terhadap kesihatan mental. Ini menunjukkan betapa kuatnya pengaruh ruang digital dalam pembentukan identiti dan pengalaman sosial remaja (Berger et al., 2022).

Hal ini, muncul apa yang sering disebut sebagai ideologi gender moden yang memperkenalkan istilah seperti *gender fluidity*, *non-binary identity*, *same-sex marriage* dan *queer theory*. Dalam kajian akademik Barat, identiti *non-binary* dihuraikan sebagai identiti jantina yang terikat sepenuhnya kepada kategori lelaki atau perempuan, manakala *queer theory* pula merupakan pendekatan kritikal yang bertujuan merungkai kategori binary jantina dan seksualiti serta menyoal norma yang dianggap dominan (Richards et al., 2016). Oleh sebab itu, pandangan ini sering dijadikan asas intelektual oleh gerakan yang berusaha mengubah definisi tradisional jantina.

Namun demikian, dalam pandangan Islam, konsep jantina tidak dibina semata-mata berdasarkan perasaan individu atau arus sosial semasa, sebaliknya berpandukan kepada al-Quran, Hadith, fitrah dan Maqasid Syariah. Pendapat kontemporari mengenai Maqasid Syariah menekankan bahawa penjagaan agama, akal, maruah dan keturunan (hifzu al-Adin, al-Aql, al-Ird wa al-Nasl) merupakan prinsip teras dalam menilai sebarang ideologi yang berpotensi mengubah norma keluarga dan struktur sosial. Penyelidikan akademik berkaitan isu transgender dan hak gender menunjukkan bahawa isu gender moden perlu dinilai secara seimbang melalui pertimbangan maslahat serta implikasinya terhadap masyarakat dan sistem Syariah (Al-Shatibi, 2024).

Sehubungan itu, pengenalan artikel ini menegaskan bahawa pertembungan antara ajaran Islam dan ideologi gender moden semakin ketara akibat ruang digital yang mempercepatkan penilaian gaya hidup dan nilai yang sebelum ini dianggap asing dalam masyarakat Islam. Fenomena ini turut

dibincangkan dalam kajian akademik Arab kontemporari yang menunjukkan bahawa isu homoseksualiti dan ideologi gender merupakan cabaran global dunia Islam, bukan terbatas kepada konteks tempatan sahaja (Abdul Razzaq, 2024).

Oleh itu, artikel ini akan menganalisis isu LGBTQ+ semasa, bukan hanya sebagai isu sosial, tetapi cabaran ideologi yang memerlukan pendekatan Islam yang seimbang iaitu tegas dalam mempertahankan prinsip Aqidah dan Syariah, namun bijaksana dalam strategi pendidikan dan pembangunan media digital.

## **METODE KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian perpustakaan dengan menganalisis sumber-sumber sekunder yang relevan bagi memahami isu ideologi gender moden atau LGBTQ+ dari perspektif Islam dan kontemporari. Analisis kajian ini merangkumi karya-karya sarjana Islam klasik dan kontemporari khususnya dalam aspek aqidah, syariah dan akhlak tasawuf. Selain itu, kajian ini turut meneliti dokumen dan laporan daripada badan antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), UNICEF dan UNESCO yang membincangkan isu berkaitan identiti gender, kesihatan mental, pendidikan dan media.

Di samping itu, literatur akademik kontemporari dalam kajian gender, psikologi dan media digital turut dianalisis bagi memahami cara pemikiran semasa serta implikasinya terhadap masyarakat. Terakhir, sumber ini dianalisis secara kualitatif bagi menilai idea, hujah dan nilai yang terkandung di dalamnya.

## **KONSEP IDEOLOGI GENDER MODEN**

Dalam abad ini, perbincangan mengenai gender telah berkembang jauh daripada pemahaman tradisional yang menekankan peranan lelaki dan perempuan sebagai dua kategori tetap berdasarkan sifat biologi. Para pengkaji sosial dan teori memperkenalkan pandangan bahawa gender bukan semata-mata sesuatu yang bersifat biologi, tetapi merupakan satu hubungan sosial yang dibentuk oleh budaya dan harapan masyarakat terhadap tingkah laku lelaki atau perempuan. Perspektif ini berkembang daripada teori feminisme dan seterusnya dikembangkan oleh para sarjana kontemporari yang merangkumi pelbagai identiti di luar kerangka jantina tradisional (Deli, 2025).

Antara aspek utama ideologi gender moden ialah pandangan bahawa identiti gender bukan sesuatu yang tetap dan gender ini boleh berubah mengikut pengalaman atau perasaan peribadi individu tersebut, ia sering dirujuk sebagai *gender fluidity*. Dalam kerangka pemikiran ini, seseorang dianggap bebas untuk menentukan sendiri jantina yang paling menggambarkan perasaan dalaman mereka, sama ada ianya lelaki, perempuan, kedua-duanya atau identiti lain di luar kategori tersebut (Browne, 2019).

Selain itu, ideologi gender moden sering menganggap hubungan sejenis sebagai sesuatu yang normal serta setara dengan berlainan jantina. Dalam perbincangan akademik Barat terkini, konsep *queer* turut diperluaskan bagi merangkumi penolakan terhadap dua jantina, termasuk pengiktirafan identiti *non-binary* dan *genderqueer* yang mencabar hubungan berlainan jantina. Pendekatan ini menekankan bahawa kategori jantina tidak boleh dijustifikasi hanya melalui faktor biologi semata-mata, sebaliknya perlu difahami melalui sudut sosial, budaya dan pemikiran manusia moden (Deli, 2025).

Dalam ideologi gender moden juga terkandung kebebasan tubuh (*bodily autonomy*), yang menegaskan hak individu untuk membuat keputusan sendiri terhadap tubuh mereka, termasuk cara

menunjukkan jantina dan menentukan kecenderungan seksual. Pendekatan ini sering dikaitkan dengan gerakan hak asasi manusia yang menekankan kebebasan individu daripada apa yang dianggap sebagai penindasan sosial (*social discrimination*). Turut diperlihatkan oleh kajian akademik bahawa konsep ini merangkumi pemahaman dalam seseorang tentang diri mereka sebagai lelaki, perempuan, kedua-duanya atau identiti lain yang tidak terikat kepada biologi tradisional (Jasni, Jaafar & Zainalaludin, 2024).

Walau bagaimanapun, keseluruhan pendapat ini termasuk *gender fluidity, non-binary identity* dan normalisasi hubungan sejenis, dilihat berbeza secara asas menurut pandangan Islam. Kerangka Islam berpandukan kepada fitrah penciptaan, di mana lelaki dan perempuan ditetapkan sebagai dua kategori yang berbeza dan saling melengkapi (Hammoud, 2022).

## **PUNCA NORMALISASI LGBTQ+ MASA KINI**

### **Media Sosial**

Media sosial seperti TikTok, Instagram dan YouTube telah menjadi ruang utama di mana identiti LGBTQ+ dilihat, dibincangkan dan dikongsi secara meluas, sekali gus membentuk persepsi awam terhadap kecenderungan seksual dan identiti gender. Pelbagai kajian menunjukkan bahawa kandungan berkaitan LGBTQ+ di platform media sosial bukan sahaja menyediakan ruang untuk individu menzahirkan identiti diri, malah turut menyumbang kepada proses pembentukan identiti serta meningkatkan tahap kesedaran terhadap isu ini dalam kalangan pengguna digital (Talbot et al., 2022).

Sebagai contoh, kajian akademik mendapati bahawa pelajar menggunakan media sosial untuk meneroka dan menzahirkan identiti LGBTQ+ mereka. Dapatan ini menunjukkan bahawa platform digital berfungsi sebagai satu bentuk “ruang sosial” yang membolehkan pengalaman identiti tersebut dibentuk secara lebih terbuka dalam persekitaran (Talbot et al., 2022). Selain itu, kajian lain melaporkan bahawa media sosial memuatkan pelbagai bentuk kandungan LGBTQ+ termasuk teks, imej dan video secara berulang dan berterusan. Pendedahan ini berpotensi mempengaruhi sikap dan tingkah laku masyarakat, terutamanya apabila kandungan tersebut disampaikan dalam bentuk yang menarik dan mudah diterima (Aslamiah et al., 2024).

Pendedahan identiti (*self-disclosure*) semakin ketara di platform seperti TikTok, di mana individu LGBTQ+ berkongsi kecenderungan seksual atau identiti gender mereka secara terbuka, turut dikaitkan dengan peningkatan persepsi penerimaan sosial. Tindak balas yang positif dalam bentuk sokongan, komen dan interkasi dalam talian menyumbang kepada tanggapan bahawa identiti tersebut adalah sesuatu yang normal dan diterima oleh masyarakat awam (Shinthia, Syaifullah & Abdullah, 2024).

### **Ideologi Barat**

Ideologi barat kontemporari, khususnya yang berakar daripada fahaman liberalisme, memainkan peranan yang besar dalam proses normalisasikan LGBTQ+ di peringkat global. Salah satu prinsip utama yang diketengahkan dalam agenda ini ialah konsep hak asasi manusia liberal, yang menekankan kebebasan individu secara meluas termasuk dalam soal identiti gender dan kecenderungan seksual (Coy, 2024). Dalam kerangka pemikiran ini, konsep gender equality tidak lagi difahami secara terhad sebagai keadilan antara lelaki dan perempuan tetapi sebaliknya diperluaskan kepada idea gender neutrality, iaitu usaha menghapuskan perbezaan jantina dalam aspek peranan sosial. Pendekatan ini secara langsung mencabar pandangan Islam yang menegaskan perbezaan jantina sebagai sebahagian

daripada fitrah penciptaan manusia (Ibn Ashur, 2001).

Di peringkat antarabangsa, badan hak asasi yang berkiblatkan pemikiran Barat, seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), turut memainkan peranan aktif dalam mempromosikan agenda kesamarataan gender dan hak LGBTQ+ sebagai normal. Melalui laporan badan-badan berkaitan PBB, isu *gender identity* sering diperkatakan sebagai hak asasi yang waiib diiktirafkan oleh semua negara tanpa mengambil kira perbezaan latar agama dan budaya. Pendekatan ini cenderung daripada nilai keagamaan dan tradisi, sekali gus mewujudkan ketengangan antara prinsip asasi liberal dan sistem perundangan di negara-negara Islam (United Nations post, 2015).

Analisis pemikiran Islam menegaskan, bahawa konsep hak asasi manusia liberal bukanlah bersifat neutral, sebaliknya berakar daripada falsafah sekular yang memisahkan agama daripada kehidupan awam. Ulama Islam seperti Yusuf al-Qardawi menekankan bahawa kebebasan dalam Islam tidak difahami sebagai kebebasan mutlak, tetapi terikat dengan tanggungjawab moral serta batas-batas Syariah demi menjaga maslahat individu dan kesejahteraan masyarakat. Oleh itu, penerimaan ideologi Barat secara tidak bertanggungjawab berpotensi membawa kepada penghakisan nilai agama dan identiti Islam dalam jangka yang panjang (Yusuf al-Qaradawi, 2006).

Kesannya, ideologi Barat meresap ke dalam pemikiran masyarakat Islam melalui sistem pendidikan global, media antarabangsa dan ruang digital. Apabila hak asasi gender dipersembahkan secara berulang sebagai simbol kemajuan dan kemodenan, sesiapa yang menolaknya dilabelkan sebagai ekstrem dan ketinggalan zaman. Oleh itu, dari perspektif Islam, cabaran utama bukan sekadar isu LGBTQ+ sebagai fenomena sosial, tetapi ideologi Barat yang berusaha menyeragamkan nilai moral tanpa mengambil kira kepelbagaian agama dan budaya.

### **Krisis Identiti Remaja**

Krisis identiti dalam kalangan remaja dan dewasa muda merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada keadaan berisiko terhadap pelbagai pengaruh ideologi kontemporari, termasuk isu berkaitan seksualiti dan identiti gender. Fasa remaja awal dikenal pasti sebagai tempoh perkembangan pemikiran yang kritikal, di mana individu sedang membentuk identiti diri, kestabilan emosi dan hubungan sosial. Kajian dalam bidang psikologi menunjukkan bahawa kekurangan sokongan emosi, perasaan kesunyiaan serta ketiadaan peranan contoh role model yang jelas dalam keluarga dan masyarakat boleh meningkatkan risiko kekeliruan identiti serta tekanan psikologi dalam kalangan remaja (Offer, 1969).

Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau *World Health Organization* (WHO) menegaskan bahawa remaja dan belia muda merupakan kumpulan umur yang paling terdedah kepada masalah kesihatan mental, termasuk kebimbangan, kemurungan dan gangguan identiti, khususnya dalam konteks perubahan sosial yang pesat serta penggunaan media digital. WHO mengkategorikan golongan *adolescents* dan *young people* (umur 10 sehingga 24 tahun) sebagai kumpulan yang memerlukan perlindungan dan sokongan khusus, memandangkan proses perkembangan otak dan emosi mereka masih belum mencapai tahap kematangan sepenuhnya (World Health Organization, 2025). Selain itu, WHO turut mengaitkan faktor kesunyian dan pengalaman trauma sebagai antara punca utama ketidakstabilan emosi serta krisis identiti remaja. Dalam konteks ini, ruang digital sering berfungsi sebagai medium utama penerokaan identiti kerana ia menawarkan rasa kebersamaan dan sokongan segera, walaupun tidak mewujudkan bimbingan yang sihat (World Health Organization, 2020).

Oleh itu, krisis identiti remaja perlu difahami sebagai isu kesihatan mental sosial yang bersifat

kompleks terutamanya untuk LGBTQ+ ini dan bukan semata-mata sebagai persoalan pilihan peribadi. Dari perspektif pendidikan dan agama, kekeliruan identiti dalam kalangan remaja menuntut pendekatan pencegahan yang menyeluruh dan bersepadu dan pendidikan nilai yang berterusan bagi membantu remaja membina identiti diri yang stabil dan berlandaskan akhlak dan moral yang kukuh (World Health Organization, 2024).

## PANDANGAN ISLAM TERHADAP LGBTQ+

### Al-Quran

﴿وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ ﴿٦٦﴾ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّنْ دُونِ النِّسَاءِ ۗ ﴿٦٧﴾ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ﴾

Terjemahan: “dan (ingatlah) Nabi Luth ketika dia berkata kepada kaumnya ‘Mengapa kamu melakukan perbuatan kaji yang belum pernah dilakukan oleh sesiapa pun sebelum kamu? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki kerana nafsu, bukan perempuan. Bahkan kamu adalah kaum yang melampaui batas” al-Tabari menegaskan bahawa al-Fahishah dalam ayat ini secara ijmak merujuk kepada perbuatan mendatangi lelaki dengan syahwat, iaitu perbuatan yang bertentangan dengan fitrah penciptaan dan tidak pernah dilakukan oleh umat terdahulu (Abu Ja’far, 2001).

Ibn Kathir menjelaskan bahawa ayat ini adalah celaan keras terhadap homoseksual dan ia dianggap jenayah moral dan aqidah kerana menyalahi ajaran Islam dan Sunnatullah, merosakkan Islam dan membuka pintu kehancuran masyarakat (Ismail, 1999).

Ayat seterusnya di dalam surah al-Shu’ara ayat 165-166:

﴿أَتَأْتُونَ الذُّكْرَانَ مِنَ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٥﴾ وَتَذَرُونَ مَا خَلَقَ لَكُمْ رُبُّكُمْ مِّنْ أَرْوَاجِكُمْ ۗ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ عَادُونَ﴾

Terjemahannya: “mengapa kamu mendatangi lelaki dan meninggalkan pasangan perempuan yang diciptakan Tuhanmu untuk kamu? Bahkan kamu adalah kaum yang melampaui batas”.

Tafsir al-Razi menekankan bahawa penolakan terhadap pasangan halal dan kepuasan sejenis adalah tanda kerosakan akal dan fitrah. Ia juga bukti bahawa manusia meletakkan nafsu daripada wahyu (Fakhr al-Din, 1981).

Berdasarkan ayat-ayat Al-Quran dan tafsiran ulama muktabar, bahawa perbuatan ini adalah perbuatan yang dilaknat syarak. Al-Quran mengaitkan perbuatan ini dengan sifat melampaui batas serta menjadikannya sebab kebinasaan umat terdahulu.

### Hadith

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

(لَعَنَ اللَّهُ مَنْ عَمِلَ عَمَلِ قَوْمِ لُوطٍ)

Baginda mengulanginya tiga kali (Ahmad, 2001).

ibn Hajar al-Asqalani menjelaskan bahawa lafaz laknat dalam hadith menunjukkan dosa besar dan dilaknat terhadap perbuatan yang membawa kemurkaan Allah, kerana kaum Luth bukan sahaja

sekadar maksiat peribadi tetapi ia mencabar fitrah penciptaan, kerosakan institusi kekeluargaan dan membuka laknat Allah (Ibn Hajar, 1379H).

Hadith seterusnya bagi lelaki dan perempuan yang menyerupai jantina lain:

(لَعَنَ اللَّهُ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ، وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ) (Ahmad, 1995).

An-Nawawi menjelaskan bahawa hadith ini menjadi asas larangan dalam peniruan identiti jantina, kekeliruan peranan fitrah dan pembukaan jalan kepada kerosakan moral termasuk homoseksual (al-Nawawi, 1392H).

Hadith-hadith Nabi secara jelas menyatakan perbuatan LGBTQ+ dan penyimpangan sebagai dosa besar yang bercanggah dengan fitrah penciptaan manusia. Penekanan laknat dan larangan tasyabuh menunjukkan bahawa isu ini bukan sekadar kesalahan akhlak tetapi ia adalah cabaran aqidah dan peradaban yang salah menurut Islam.

### **Ijmak Ulama**

Berdasarkan perbincangan para ulama muktabar Ahlu Sunnah wal-Jama'ah, terdapat pendapat yang jelas mengenai keharaman perbuatan liwat. Ibn Qudamah al-Maqdisi menegaskan bahawa para ulama telah bersepakat mengharamkan perbuatan yang dilakukan oleh kaum Luth, menunjukkan bahawa pengharaman tersebut bukan hasil pendapat individu, tetapi berasaskan kesepakatan para ulama Islam sejak dahulu lagi (Ibn Qudamah, 1997).

Kesepakatan ini turut ditegaskan oleh 'Abd al-Barr yang menyatakan bahawa seluruh umat islam berpendapat bahawa liwat merupakan perbuatan keji dan haram, meskipun terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha mengenai bentuk hukuman yang dikenakan (Ibn 'Abd al-Barr, 1987).

al-Qurtubi menegaskan bahawa tiada sebarang khilaf dalam kalangan umat Islam berhubung pengharaman liwat kerana ia disokong oleh dalil-dalil yang jelas serta ijmak para ulama salaf. Oleh itu, keharaman perbuatan ini merupakan ketetapan syarak yang muktamad dan tidak boleh dilawan dalam pandangan aqidah dan syaria Islam (al-Qurtubi, 2006).

## **PENDEKATAN ISLAM MENGHADAPI IDEOLOGI GENDER MODEN**

### **Pendekatan Aqidah**

Pendekatan aqidah merupakan asas utama Islam dalam menghadapi ideologi gender moden kerana aqidah menentukan cara manusia memahami hakikat penciptaan, tujuan hidup dan batas kebebasan diri. Islam menegaskan bahawa fitrah manusia ditentukan oleh Allah SWT, bukan hasil pendapat sendiri atau kehendak individu. Prinsip ini berasaskan keimanan bahawa Allah Maha Mengetahui hakikat ciptaan-Nya dan menetapkan sistem kehidupan yang paling sesuai dengan tabiat manusia (Abu al-Hasan, 1997). Al-Quran dengan jelas meyakini bahawa manusia diciptakan dalam keadaan yang lurus dan penyimpangan hanya berlaku apabila manusia mengikuti hawa nafsu serta pengaruh luar yang menyeleweng.

Dalam pandangan aqidah Islam, konsep takdir dan hikmah penciptaan menjadi asas penting untuk memahami perbezaan antara lelaki dan perempuan. Allah SWT menciptakan manusia dalam dua jantina yang berbeza bukan secara kebetulan tetapi dengan tujuan dan hikmah tertentu yang berkait dengan fungsi biologi, psikologi dan sosial. Al-Quran menegaskan bahawa penciptaan lelaki dan perempuan merupakan tanda kebesaran Allah serta sebahagian daripada sistem keseimbangan alam (Ibn

'Ashur, 1984). Tafsir para ulama muktabar menjelaskan bahawa perbezaan ini bukan satu bentuk ketidakadilan, tetapi merupakan pembahagian peranan yang saling melengkapi demi menjaga keharmonian individu, keluarga dan masyarakat.

Pendekatan aqidah juga menekankan bahawa takdir Allah tidak boleh ditundukkan kepada kehendak hawa nafsu manusia. Dalam ideologi gender moden, kebebasan individu sering dijadikan ukuran mutlak, sedangkan dalam aqidah Islam, kebebasan manusia terikat dengan pengabdian kepada Allah SWT. Selain itu, aqidah Islam mendidik umat agar memahami bahawa yang menjadi ukuran ialah keimanan, ketaatan dan kemampuan mengawal diri selaras dengan tuntutan syariat. Al-Ghazali menegaskan bahawa jihad melawan hawa nafsu merupakan jihad yang paling besar kerana nafsu sentiasa mendorong manusia ke arah kesenangan (Abu Hamid, t.t). Oleh itu, pengukuhan iman dan kesedaran aqidah berfungsi sebagai benteng utama dalam menolak ideologi yang menormalisasikan keinginan nafsu sebagai mutlak.

Kesimpulannya, pendekatan aqidah dalam menghadapi ideologi gender moden menuntut pengembalian kefahaman umat kepada konsep fitrah, takdir dan hikmah penciptaan yang berasaskan al-Quran dan Hadith. Aqidah yang kukuh bukan sahaja membetulkan cara berfikir. Tetapi turut membentuk kekuatan spiritual untuk menahan dorongan hawa nafsu serta tekanan ideologi sesat.

### **Pendekatan Syariah**

Pendekatan Syariah dalam menghadapi ideologi gender moden berpandukan kepada maqasid al-Syariah, iaitu tujuan-tujuan utama syariah hukum Islam yang bertujuan merealisasikan kemaslahatan serta menolak kerosakan. Para ulama usul fiqh menegaskan bahawa setiap hukum syarak, sama ada berbentuk perintah mahupun larangan akan ditetapkan untuk memelihara kepentingan asas kehidupan manusia yang dikenali sebagai kepentingan asas (*al-Daruriyat*) (Abu Ishaq, 2004).

Antara maqasid yang terjejas secara langsung ialah penjagaan agama (*hifzu al-Din*). Syariah menuntut agar batas halal dan haram dipelihara bukan sahaja pada peringkat individu, tetapi juga secara bersama dalam masyarakat. Normalisasikan perkara yang diharamkan secara salah berpotensi menghakis peraturan agama serta melemahkan peranan Syariah sebagai panduan hidup. Apabila hubungan sejenis dan kekeliruan identiti gender dipersembahkan sebagai perkara sosial yang sah, keadaan ini mewujudkan konflik yang jelas dengan prinsip syariah yang mengatur hubungan seksual dalam kerangka perkahwinan antara lelaki dan perempuan. Al-Shatibi menegaskan bahawa sikap meremehkan perkara haram yang nyata akhirnya membawa kepada kerosakan agama, sama ada pada peringkat individu mahupun masyarakat (Abu Ishaq, 2004).

Selain itu, ideologi moden LGBTQ+ turut bercanggah dengan penjagaan keturunan (*hifzu al-Nasl*), yang merupakan antara tujuan paling utama dalam syariah. Islam mensyariatkan perkahwinan dan mengharamkan hubungan seksual di luar pandangan tersebut bagi memastikan kesinambungan zuriat yang sah, nasab yang sah dan kestabilan institusi keluarga. Hubungan sejenis secara asasnya menafikan fungsi kesuburan perkahwinan dan tidak mampu memenuhi tuntutan penjagaan keturunan. Wahbah al-Zuhaili menjelaskan bahawa sebarang amalan seksual yang memutuskan pertalian zuriat serta merosakkan struktur keluarga tergolong sebagai perosak (*mafsadah*) besar menurut syariah (Wahbah al-Zuhayli, 2020).

Dari sudut penjagaan akal (*hifzu al-Aql*) dan penjagaan akhlak (*hifzu al-akhlak*), Syariah berperanan mengawal tingkah laku manusia agar selari dengan fitrah serta nilai moral yang seimbang. Normalisasi ideologi LGBTQ+ gender moden yang mengaburkan perbezaan fitrah antara lelaki dan

perempuan, serta menjustifikasi kehendak nafsu sebagai identiti, berpotensi mencetuskan kekeliruan cara berfikir dan akan mengurangkan nilai akhlak khususnya dalam kalangan generasi muda. Ibn ‘Ashur menegaskan bahawa antara tujuan utama syariah ialah membentuk akhlak sosial dan memastikan keseimbangan antara kebebasan individu dan tanggungjawab moral terhadap masyarakat (Ibn ‘Ashur, 2001).

Oleh itu, dari perspektif syariah, penolakan terhadap ideologi LGBTQ+ tidak berasaskan sikap mengasingkan atau layanan tidak adil terhadap seseorang tersebut, sebaliknya berpandukan prinsip pencegahan kerosakan dan pemeliharaan masyarakat awam. Abdul Karim Zaydan menegaskan bahawa kebebasan individu dalam Islam tidak bersifat mutlak, tetapi terikat dengan batas syarak demi memastikan kesejahteraan agama, keluarga dan moral masyarakat sentiasa terpelihara. Justeru, pendekatan syariah menuntut ketegasan dalam prinsip dan kebijaksanaan dalam pelaksanaan bagi menjaga maqasid al-syariah secara menyeluruh (Abd al-Karim Zaydan, 2021).

### **Pendekatan Kaunseling Islam**

Pendekatan ini dalam menangani isu berkaitan ideologi gender moden berpandukan prinsip rahmah, hikmah dan keadilan. Pendekatan ini mengiktiraf sebahagian individu berhadapan dengan konflik dalaman, trauma psikologi atau kekeliruan identiti yang memerlukan bimbingan dan sokongan, bukannya kecaman atau penolakan. Islam memandang manusia sebagai makhluk yang diuji dengan bermacam bentuk ujian kehidupan, contoh bersifat emosi, nafsu atau pengalaman, dan ujian tersebut tidak menghilangkan maruah seseorang sebagai hamba Allah (Abu Hamid, t.t).

Dalam pandangan kaunseling Islam, cara rohani memainkan peranan utama dalam memulihkan kestabilan jiwa. Al-Quran menegaskan bahawa ketenangan sebenar hanya dapat dicapai melalui hubungan yang kukuh dengan Allah SWT, khususnya melalui pembacaan al-Quran serta tadabbur, melalui zikir dan doa. Para ulama tasawuf dan psikologi Islam menjelaskan bahawa kekosongan spiritual sering menjadi punca kepada kekacauan jiwa dan kekeliruan identiti. Oleh itu, kaunseling Islam menekankan pengukuhan iman dan pembinaan hubungan rohani yang sihat sebagai asas pemulihan dalaman (Badri, 2018).

Pendekatan kaunseling Islam juga menekankan kepentingan sokongan komuniti dan persekitaran sosial yang sihat dalam proses pemulihan. Nabi Muhammad sendiri menekankan konsep persaudaraan dan tanggungjawab sosial dalam membantu individu yang berada dalam kesusahan. Sikap masyarakat yang bersifat menghukum atau meminggirkan hanya akan memperburuk keadaan individu yang sedang bergelut dengan konflik dalaman. Oleh itu, kaunseling Islam menganjurkan pembinaan persekitaran yang menyokong dan menegur tanpa menormalisasikan perbuatan yang bercanggah dengan prinsip syariah (al-Bukhari, 2002).

Sehubungan itu, Islam membezakan secara jelas antara individu dan perbuatan. Sebagai ungkapan “mengasihi manusia tetapi bukan perbuatan dosa”, ia selari dengan kaedah fiqh seperti kaedah kaunseling Islam dan akhlak Islam. Al-Ghazali menegaskan bahawa menasihati dengan kasih sayang merupakan sebahagian daripada amar ma’ruf wan ahi munkar, manakala kebencian terhadap dosa tidak boleh diterjemahkan kepada kebencian terhadap pelakunya. Akhirnya, pendekatan kaunseling Islam bertujuan membimbing individu kembali kepada fitrah dan ketenangan jiwa secara berperingkat tanpa mengorbankan prinsip syariah (al-Ghazali, 2010).

## **CADANGAN DAN PENCEGAHAN**

Pembenterasan ideologi gender moden atau LGBTQ+ menuntut pendekatan yang menyeluruh, berperingkat dan berasaskan ilmu, yang selaras dengan prinsip Maqasid Syariah serta aqidah masyarakat kontemporari. Usaha pencegahan ini tidak wajar bersifat teori semata-mata, sebaliknya perlu dibangunkan melalui gabungan pendidikan berterusan, perkumpulan ilmiah dan pengurusan ruang digital yang baik.

Pertama, pengukuhan kurikulum Aqidah dan Fiqh berkaitan isu gender yang perlu dilaksanakan secara sistematik di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi. Pendidikan Aqidah tidak seharusnya terhad kepada perbincangan teori sahaja, tetapi perlu diintegrasikan kefahaman tentang fitrah manusia, maqasid al-syariah dan kaedah berfikir tentang isu-isu kontemporari. Dalam konteks Islam, integrasikan aqidah dan fiqh kontemporari dapat membantu pelajar memahami batas syarak secara jelas tanpa kekeliruan istilah atau pengaruh pemikiran luar.

Kedua, penubuhan pusat digital Islam yang wajar dipertimbangkan sebagai langkah strategik dalam menangani kandungan LGBTQ+ dan ideologi sesat di ruang maya. Pusat ini boleh berfungsi sebagai platform latihan media berteraskan nilai Islam dan analisis kandungan digital. Ketiga, isu ini perlu dibincangkan melalui khutbah Juma'at dan ceramah awam dengan pendekatan yang berhikmah, mendidik dan berasaskan dalil. Institusi agama memainkan peranan penting dalam membentuk kefahaman masyarakat melalui penyampaian yang jelas, seimbang dan bebas daripada kebencian. Al-Quran menegaskan bahawa dakwah hendaklah disampaikan dengan hikmah dan nasihat yang baik agar mesej tersebut dapat diterima tanpa menimbulkan penolakan emosi.

Keempat, pemerksaan NGO kekeluargaan dan belia merupakan elemen penting dalam membina sokongan sosial yang sihat dan berfungsi. Keluarga yang kukuh serta rangkaian komuniti yang aktif berupaya megurangkan risiko kesunyian, trauma dan krisis identiti di kalangan remaja. Dalam konteks Islam, kerjasama antara pihak berkuasa agama dan NGO membolehkan usaha pencegahan dilaksanakan secara lebih berkesan di peringkat akar umbi.

Akhir sekali, pembangunan kajian akademik tempatan, khususnya di negara-negara Islam perlu dipergiatkan bagi menilai kesan ideologi gender terhadap aqidah, akhlak dan kesejahteraan individu. Kajian tempatan penting untuk memastikan dasar yang dibangunkan bersifat relevan dan berasaskan data sebenar bukan sekadar meniru model luar.

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulan, isu LGBTQ+ tidak wajar dilihat secara terasing sebagai persoalan moral atau tingkah laku individu semata-mata, sebaliknya perlu difahami sebagai cabaran ideologi global yang memberi kesan terhadap cara manusia mentafsir identiti, fitrah dan nilai kehidupan. Penularan ideologi gender moden atau LGBTQ+ melalui media digital dan hak asasi liberal telah membentuk pemikiran baharu yang mencabar asas aqidah dan nilai Islam, khususnya dalam kalangan generasi muda Islam yang terdedah secara berterusan kepada pengaruh tersebut.

Islam sebagai agama yang menyeluruh menawarkan pendekatan yang mampan dan seimbang dalam menghadapi cabaran ini melalui pengukuhan aqidah, pematuhan syariah, pembinaan akhlak serta sokongan pendidikan yang berteraskan rahmah dan hikmah. Penegasan terhadap prinsip Islam tidak bermaksud penafian maruah manusia, sebaliknya membezakan secara jelas antara penghormatan terhadap individu dan penolakan terhadap perbuatan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Oleh itu, usaha menangani ideologi moden atau LGBTQ+ menuntut strategi yang berlandaskan wahyu, ilmu dan

kefahaman semasa agar manusia dan masyarakat awam dapat dipolar tanpa mengabaikan keadilan dan kebijaksanaan dalam dakwah serta bimbingan.

### **KONFLIK KEPENTINGAN**

Para penulis menjelaskan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan.

### **KESEDIAAN DATA DAN BAHAN**

Data yang menyokong penemuan kajian ini boleh diperolehi atas permintaan daripada koresponden.

### **PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS**

Haswira Salleh Ahim (Pengumpulan data dan penulisan awal)

Rabi'atul Adawiah Azman (Metodologi dan Pemilihan data)

### **PENYATAAN ETIKA**

Tidak berkenaan.

### **PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

### **RUJUKAN**

- Abdul Razzaq Latif Jasim. (2024). Al-mithliyyah al-jinsiyyah min manzūr al-Islām wa subul muwājahatihā. *Bilad Alrafidain Journal of Humanities and Social Science*, 6(1), 13–27.
- Abū Ḥāmid al-Ghazālī. (t.t.). *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (jil. 4). Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Abū Ḥāmid al-Ghazālī. (t.t.). *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (jil. 3). Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Abū Ḥāmid al-Ghazālī. (2010). *Bidāyat al-Hidāyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abū Ishāq Ibrāhīm ibn Mūsā al-Shāṭibī. (2004). *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah* (jil. 1). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abū Ishāq Ibrāhīm ibn Mūsā al-Shāṭibī. (2004). *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah* (jil. 2). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abū Ja'far al-Ṭabarī. (2001). *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'ān* (jil. 12). Kaherah: Dār Hajr.
- Abū al-Ḥasan 'Alī ibn Muḥammad Ibn Abī al-'Izz al-Ḥanafī. (1997). *Sharḥ al-'Aqīdah al-Ṭahāwiyyah*. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Aḥmad ibn 'Abd al-Ḥalīm Ibn Taymiyyah. (1995). *Majmū' al-Fatāwā* (jil. 10). Riyadh: Majma' al-Malik Fahd li Ṭibā'at al-Muṣḥaf.
- Aḥmad ibn Ḥanbal. (1995). *Musnad al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal*. Taḥqīq: Aḥmad Muḥammad Shākīr. Al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, jld. 3.
- Aḥmad ibn Ḥanbal. (2001). *Musnad al-Imām Aḥmad*. Taḥqīq: Shu'ayb al-Arnā'ūṭ. Al-Qāhirah: Mu'assasat al-Risālah, jld. 5.
- al-Nawawī. (1392H). *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth, jil. 14.
- al-Qurṭubī. (2006). *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān* (jil. 9). Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Aslamiah, L., Athifah, G. N., Hadid, M., & Fakhruddin, A. (2024). Pengaruh membaca dan

- menonton konten LGBT terhadap orientasi seksual dalam pandangan agama Islam. *Islamic Review: Jurnal Riset dan Kajian Keislaman*, 13(1), 143–154.
- Badri, M. (2018). *Contemplation: An Islamic psychospiritual study* (new ed.). International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Berger, M. N., Taba, M., Marino, J. L., Lim, M. S., & Skinner, S. R. (2022). Social media use and health and well-being of lesbian, gay, bisexual, transgender, and queer youth: A systematic review. *Journal of Medical Internet Research*, 24(9), e38449.
- Browne, E. (2019). Gender norms, LGBTQI issues and development: A topic guide. *ALIGN*, 10, 1–34.
- Coy, M. (2024). *Violence against women in the US: Theory, research and policy*. London: Routledge.
- Deli, I. S. (2025). Gender and queer theory in modern literature: A study of fluidity and representation. *Majallat al-Dirāsāt al-Mustadāmah*, 7(1), 729–756.
- Fakhr al-Dīn al-Rāzī. (1981). *Mafātīḥ al-Ghayb (al-Tafsīr al-Kabīr)* (jil. 24). Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 142–145.
- Fisher, C. B., Tao, X., & Ford, M. (2024). Social media: A double-edged sword for LGBTQ+ youth. *Computers in Human Behavior*, 156, 108194.
- Hammoud-Beckett, S. (2022). Intersectional narrative practice with queer Muslim clients. *Journal of Intercultural Studies*, 43(1), 120–147.
- Ibn ‘Abd al-Barr. (1987). *al-Tamhīd limā fī al-Muwatṭa’ min al-Ma‘ānī wa al-Asānīd* (jil. 5). Beirut: Mu’assasah al-Risālah, hlm. 329.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. (1379H). *Fath al-Bārī*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, jil. 12.
- Ibn Kathīr, Ismā‘īl. (1999). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm* (jil. 3). Riyadh: Dār Ṭayyibah.
- Ibn Qudāmah al-Maqdisī. (1997). *al-Mughnī* (jil. 10). Riyadh: Dār ‘Ālam al-Kutub.
- Ismail, M. A. M., Yahaya, M. H., Jamal, I. H., & Wakil, M. N. A. (2020). Isu LGBT di Malaysia: Satu tinjauan terhadap aspek kajian. *INSLA E-Proceedings*, 3(1), 459–470.
- Jasni, M. A., Jaafar, W. M. W., & Zainalaludin, Z. (2024). Pembangunan identiti seksual dan gender serta teori pembangunan gender. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(1), 1–18.
- Khadijah, N. S., Sujoko, A., & Oktaviani, F. H. (2024). Traditional values versus inclusivity: A semiotic analysis of LGBT narratives in Islamic media portals. *Waskita: Jurnal Pendidikan Nilai dan Pembangunan Karakter*, 8(2), 181–206.
- Muḥammad al-Ṭāhir Ibn ‘Āshūr. (1984). *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr* (jil. 21). Tunis: al-Dār al-Tūnisiyyah li al-Nashr, hlm. 74–76.
- Muḥammad al-Ṭāhir Ibn ‘Āshūr. (2001). *Maqāsid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah* (cet. ke-3). Amman: Dār al-Nafā’is, hlm. 178–183.
- Offer, D. (1969). Identity: Youth and crisis. *Archives of General Psychiatry*, 21(5), 635–636.
- Shinthia, D., Syaifullah, S., & Abdullah, M. N. A. (2024). Latar belakang dan dampak self-disclosure kaum LGBT pada media sosial TikTok. *JSHP: Jurnal Sosial Humaniora dan Pendidikan*, 8(2), 197–212.
- Talbot, C. V., Talbot, A., Roe, D. J., & Briggs, P. (2022). The management of LGBTQ+ identities on social media: A student perspective. *New Media & Society*, 24(8), 1729–1750.

- United Nations Human Rights Council & Office of the High Commissioner for Human Rights. (2015). Discrimination and violence against individuals based on sexual orientation and gender identity (A/HRC/29/23). United Nations.
- Wahbah al-Zuhayli. (2020). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (jil. 7). Damascus: Dar al-Fikr.
- World Health Organization. (2020). Guidelines on mental health promotive and preventive interventions for adolescents. World Health Organization.
- World Health Organization. (2024, 26 November). Adolescent and young adult health: Adolescents' health risks and solutions [Fact sheet]. World Health Organization.
- World Health Organization. (2025, 1 September). Mental health of adolescents [Fact sheet]. World Health Organization.